

## **FACTSHEET**

### **PROGRAM JELAJAH DIALOG AGROMAKANAN 2022 BERSAMA KOMUNITI AGROMAKANAN DI LABIS, JOHOR**

**PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR KECIL LABIS,  
SEGAMAT, JOHOR  
7 MAC 2022**

1. “Program Jelajah Dialog Industri Agromakanan 2022” dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi membincangkan idea dan cadangan balas pemain industri untuk bersama-sama membangunkan industri penternakan yang mampan dan berdaya maju ke arah kelestarian makanan negara selaras dengan aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030 (DAN 2.0)
2. Sektor penternakan dan industri makanan memainkan peranan yang sangat penting dalam menjana ekonomi serta meningkatkan kualiti dan sekuriti makanan negara.
3. Segala permasalahan dan keperluan para pemain industri perlu diberi perhatian demi memastikan mereka akan terus komited bagi mengeluarkan hasil yang maksimum dalam menjana ekonomi dan jaminan sekuriti makanan negara.
4. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1,076,940 pada tahun 2022 yang memanfaatkan seramai lapan (8) peserta Program Penternak Kecil Projek Rintis Pembangunan Industri Tenusu Negara di sekitar daerah Segamat. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk mempertingkatkan dan memperkasakan industri tenusu negara.

5. Dalam majlis tersebut juga, seramai 13 orang penternak muda telah menerima bantuan Program Transformasi Belia Ternak Daerah Segamat berjumlah RM 95,200. Program ini diwujudkan bertujuan membantu golongan belia dalam bidang keusahawanan berasaskan sektor ternakan dan menjadikan sektor tersebut sebagai bidang kerjaya yang mampu memberi pulangan yang lumayan sekaligus membantu meningkatkan pendapatan.
  
6. MAFI melalui jabatan dan agensi di bawahnya akan terus komited dalam membimbing dan membantu para pemain industri sekaligus menjayakan agenda DAN 2.0.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)  
7 MAC 2022**